

AIA PUBLIC Takaful Kongsi Keceriaan Aidilfitri

KUALA LUMPUR: Sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) 'Semarakkan Raya', AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) dengan kerjasama Malaysia Relief Agency (MRA) baru-baru ini telah mengedarkan 'Kit Semarakkan Raya' yang terdiri daripada bekalan makanan kepada 1,000 keluarga asnaf di Lembah Klang, Melaka dan Negeri Sembilan sebagai persiapan sambutan Aidilfitri.

Menyedari akan kesuahan dan kesulitan yang dihadapi oleh golongan yang kurang bernasib baik khususnya mereka yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19 yang berterusan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), AIA PUBLIC Takaful melalui inisiatif ini tampil memainkan peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab bagi memastikan kebajikan golongan ini juga turut dijaga dan terus dipelihara.

Elmie Aman Najas, Ketua Pegawai Eksekutif AIA PUBLIC Takaful berkata: "Menjalani ibadah puasa dan merayakan Aidilfitri ketika pelaksanaan PKP sememangnya lebih mencabar buat keluarga-keluarga ini dalam komuniti kita.

Oleh itu, kami ingin meringankan beban mereka dan berkongsi keceriaan bersama golongan ini kera-



ELMIE Aman Najas (dua, kiri), Ketua Pegawai Eksekutif AIA PUBLIC Takaful menyerahkan 'Kit Semarakkan Raya' kepada **Dr. Mohd Daud Sulaiman** (dua, kanan), Presiden MRA untuk diedarkan kepada 1,000 keluarga asnaf. Turut bersama ialah **Afdzal Al-'Adli Husni** (kiri), Pengerah Bersekutu Pemasaran Produk, AIA PUBLIC Takaful dan **Khairil Annuar Khalid**, Timbalan Presiden MRA (kanan).

na mereka juga berhak untuk menyambut Hari Raya dengan kegembiraan. Inisiatif CSR ini adalah salah satu cara kami membantu mereka meraikan Syawal yang lebih bermakna."

Inisiatif Semarakkan Raya ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan daripada rakyat Malaysia yang menyertai kempen terbaharu AIA PUBLIC Takaful iaitu #GymUntukJiwa. Kempen yang dilancarkan pada hari keempat bulan Ramadan ini merangkumi pelbagai cabaran media sosial yang mendorong rakyat Malaysia untuk terus berusaha menjadi insan yang lebih baik – melatih jiwa untuk mena-

nam rasa empati, cinta dan belas kasihan yang akhirnya dapat mewujudkan impak yang positif kepada komuniti sekeliling.

Fasa pertama cabaran media sosial #GymUntukJiwa memerlukan para peserta memuat naik gambar atau video mereka melakukan kebaikan sepanjang bulan Ramadan di laman Facebook atau Instagram mereka dengan menyertakan tanda pagar – #GymUntukJiwa dan #AIAPUBLICTakaful.

Perbuatan yang boleh dilakukan adalah seperti berkongsi makanan dengan jiran mereka, membuat kejutan kepada orang

tersayang dengan pemberian hadiah bahkan menolong orang yang kurang berkemampuan.

Oleh kerana bilangan tanda pagar yang diperoleh melalui cabaran ini yang berakhir pada 16 Mei, melebihi jangkaan, AIA PUBLIC Takaful telah memutuskan untuk meningkatkan jumlah keluarga asnaf yang akan menerima sumbangan bantuan daripada 250 kepada 1,000 buah keluarga.

"Bulan Ramadan yang mulia ini mengajar seorang Muslim antara lain untuk bersedekah dan melatih diri untuk bermurah hati serta berniat baik terhadap orang lain.